

IBU BAPA DAN KECERDASAN EMOSI ANAK-ANAK

Khair hidayati binti mohd khair, fadilah binti abdul majid, khairunnisak bt yahya & munirah bt senik

Terdapat beberapa gaya keibubapaan yang boleh mengganggu kecerdasan emosi anak-anak. Pertama, ibu bapa yang tidak memedulikan atau menghiraukan emosi anak-anak. Ibu bapa yang sebegini beranggapan bahawa gangguan emosi anak-anak merupakan perkara biasa. Mereka tidak pernah menyediakan ruang masa mahupun peluang dalam membantu anak-anak mengatasi gangguan emosi tersebut.

Kedua, ibu bapa yang terlalu memberikan kebebasan kepada anak-anak tanpa sebarang kawalan. Ibu bapa yang sedemikian rupa akan membiarkan sahaja anak-anak mereka membuat sesuatu perkara tanpa had dan hala tujuan tertentu. Namun, apabila anak-anak mereka ini telah melampaui batas dan terlalu mengikut dorongan nafsu serta agresif, barulah ibu bapa tersebut mengambil tindakan yang agak keras.

Gaya keibubapaan yang boleh mengganggu kecerdasan emosi anak-anak yang terakhir adalah ibu bapa yang selalu merendah-rendah, memperkecil dan seterusnya menghina perasaan anak-anak. Ibu bapa seperti ini selalunya akan bertindak kasar dan keterlaluan dalam memberikan kritikan dan dendaan. Ibu bapa ini akan mendera anak-anak dengan cara yang agak kejam hingga menyebabkan anak-anak tertekan dan mengalami gangguan perasaan atau sakit jiwa.

Terdapat juga ibu bapa yang bersikap sederhana, tidak terlalu berkeras dan tidak terlalu berlembut serta sentiasa mencari peluang membimbing anak-anak memahami perasaan dan emosi. Ibu bapa seperti inilah mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi dan bakal membina kecerdasan emosi yang tinggi di dalam anak-anak mereka. Dalam mendidik anak-anak, mereka cuba memahami apa yang dirasakan oleh anak-anak mereka. Bantuan dengan cara positif ditunjukkan bagi melegakan perasaan anak-anak yang beremosi. Dengan memahami konsep penghargaan diri, motivasi diri, melahirkan hasrat diri dan keyakinan diri adalah bimbingan yang perlu dari ibu bapa terhadap anak-anak.